


# BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

Oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim



**S** EJARAH mencatatkan bahawa bangsa yang berjaya, antara lain, dicirikan oleh masyarakatnya sebagai bangsa memiliki budaya literasi. Begitu juga sebaliknya. Sesuatu bangsa yang mempunyai kekuasaan atau kejayaan dalam sesuatu bidang tidak boleh mempertahankan miliknya tanpa budaya ilmu yang mantap. Hal ini akan bergantung pada bangsa lain yang lebih berilmu. Sebagai buktinya, kita melihat betapa negara pengeluar minyak yang kaya raya terpaksa bergantung hampir dalam semua aspek penting kehidupan negaranya pada negara lain yang lebih maju dari segi keilmuan dan kepakaran.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa masyarakat maju yang dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka dan mencipta sejarah ialah masyarakat yang suka membaca.

Disiplin membaca untuk mendapatkan ilmu merupakan kuasa pembebasan daripada belenggu kemiskinan dan kejahilan.

Budaya membaca membolehkan pemikiran seseorang itu berkembang dan mempunyai imaginasi yang lebih tinggi untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat berbanding dengan orang yang kurang membaca. Menurut Kenedy, membaca ialah "keupayaan seseorang untuk menggarap bentuk visual (lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan) yang menghubungkan bentuk itu, atau bunyi makna yang telah diketahui, dan seterusnya berasaskan pengalaman lalu, memahami dan mentafsir maksud".

Amalan membaca dapat dikaitkan dengan pembinaan ilmu pengetahuan dalam diri seseorang kerana perbezaan

yang ketara antara individu yang suka membaca berbanding dengan individu yang tidak suka membaca ialah ilmu pengetahuan yang dimiliki. Masyarakat yang suka membaca mampu untuk melahirkan manusia yang berguna dan mempunyai tahap pemikiran yang tinggi. Golongan ini juga akan menjadi pemimpin di negara kerana idea bernas mereka dapat membangunkan negara tersebut.

Islam sendiri menggalakkan umatnya untuk membaca sehingga terbukti kelahiran banyak tokoh ilmuwan yang unggul, seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi, Al-Razi, Al-Haitam, Al-Khindi dan Ibnu Biruni. Kesemua tokoh tersebut memulakan penerokaan mereka daripada bacaan, baik bacaan lisan mahupun bacaan alam, sehingga mereka dapat menghasilkan penemuan baharu.

Ketika Barat berada pada zaman kegelapan, perbezaan antara dunia Islam dengan Barat boleh dikisahkan seperti langit dengan bumi. Victor Robinson membuat perbandingan ini dalam *The Story of Medicine* dengan berkata, "Eropah bergelap pada waktu malam sedangkan Cordova bercahaya dengan lampu. Eropah kotor sedangkan Cordova membina 1000 tempat mandi. Eropah dipenuhi serangga sedangkan penduduk Cordova menukar pakaian dalam mereka setiap hari. Eropah dipenuhi selut sedangkan jalan di Cordova bertar. Istana di Eropah dipenuhi lubang asap di bumbung sedangkan bangunan di Cordova tersergam indah. Tokoh Eropah tidak tahu untuk menandatangani nama sendiri sedangkan anak di Cordova sudah ke sekolah. Tokoh agama di Eropah tidak tahu untuk membaca

risalah Kristian sedangkan ulama Islam di Cordova membina kutub khanah yang besar." Inilah buktinya bangsa yang suka membaca tercepat menjadi bangsa yang berjaya.

Semua pemimpin negara juga menggalakkan masyarakatnya untuk membaca supaya mereka tidak akan ketinggalan bagi menerima kecanggihan dan kemodenan dunia. Bagi masyarakat Jepun, membaca sudah menjadi tabiat dan amalan mereka kerana daripada budaya membaca mereka dapat meningkatkan taraf hidup dan persaingan dengan dunia luar.

Walaupun bagaimanapun, masyarakat yang menerima perubahan teknologi yang moden dan canggih hari ini telah menjadikan amalan membaca bahan yang tidak sepatutnya. Budaya ini telah menyebabkan masyarakat, terutama golongan remaja, menjadi rendah

akhlak dan cetek ilmu pengetahuan. Jenis bahan bacaan yang boleh dikategorikan sebagai "lucah" atau tidak sopan ialah yang mengeksploitasi seks sebagai bahan utama. Sesetengah bahan bacaan ini memaparkan gambar wanita mendedahkan tubuh dan aksi menggoda untuk dijadikan sebagai pelaris jualan. Kerana remaja sering disogokkan dengan bahan sedemikian, golongan tersebut mudah terpengaruh sehingga menjadi seronok dan ketagih. Hal ini akan menyebabkan golongan ini tidak dapat berfikir secara matang dan akan ketinggalan dalam pelbagai aspek.

Sejarah telah mencatatkan bahawa Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom, dan Jerman sebagai antara negara dan bangsa yang maju kerana masyarakatnya sudah membina budaya literasi. Kerana itu, negara tersebut maju dalam segala bidang,

Education - General

Pg: 10 - 13

Control No: A000275507

file name: MA/education/2018/EDU 2018 A05.pdf

jauh mengalahkan negara lain. Selain menguasai perekonomian dunia, negara tersebut juga dikenali sebagai penguasa bidang teknologi. Geliat kehidupan masyarakatnya juga begitu dinamik, di samping memiliki tingkat kedispilinan yang tinggi. Dalam erti lain, budaya literasi memiliki peranan yang begitu penting bagi membangunkan kemajuan masyarakat dan negara.

Dengan membacalah kita menjadi tahu dan faham, sekali gus memperoleh wawasan atau pengetahuan baharu tentang pelbagai perkara yang menyebabkan kita termotivasi untuk terus melakukan perubahan. Bukti tersebut dapat dilihat pada Jepun, negara yang hancur lebur dalam Perang Dunia Kedua kerana dibom atom oleh tentera sekutu. Jepun kemudiannya berupaya untuk bangkit dan mengutamakan pendidikan bangsanya, dengan mengirimi mereka ke negara maju, seperti Amerika Syarikat, dan negara Eropah. Sebagai hasilnya, Jepun berjaya untuk kembali membangunkan negaranya daripada kehancuran.

Kini, pelbagai teknologi mampu dibuat oleh masyarakat Jepun. Amerika

Tidak mungkin  
Jepun mampu  
untuk menghasilkan  
banyak ilmuwan  
dengan penemuan  
mutakhirnya dalam  
pelbagai bidang jika  
budaya literasi di  
Negara Matahari  
Terbit itu tidak  
terbina.

Syarikat yang selama ini menjadi adikuasa di segala bidang, dalam banyak hal, mula mengakui kehebatan Jepun. Kejayaan Jepun menguasai "dunia" tidak lain kerana budaya literasi yang telah disuburkan sejak awal. Tidak mungkin Jepun mampu untuk menghasilkan banyak ilmuwan dengan penemuan mutakhirnya dalam pelbagai bidang

jika budaya literasi di Negara Matahari Terbit itu tidak terbina. Oleh itu, di Jepun kita tidak mungkin akan menemui ahli masyarakatnya yang buta huruf. Mereka dikenali sebagai masyarakat yang suka membaca, walau di mana-mana mereka berada.

Lantaran suka membaca juga, media cetak di sana tumbuh begitu pesat.

Jumlah pendedaran akhbar di Jepun mengatasi jumlah pendedaran akhbar di seluruh dunia. Menurut *Cakram Fokus* edisi April 2006, daripada 10 akhbar terbesar di dunia, urutan satu sehingga lima dikuasai oleh pendedaran akhbar Jepun. Tempat pertama dipegang oleh *Yomiuri Shimbun* dengan jumlah pendedaran 14 juta naskhah sehari.

Kedua, *The Asahi Shimbun* dengan jumlah pendedaran 12 juta naskhah sehari. Ketiga, *Mainichi Shimbun* dengan jumlah pendedaran 5.5 juta naskhah sehari. Keempat, *Nihon Keizai Shimbun* dengan jumlah pendedaran 4.6 juta naskhah sehari, dan kelima, *Chunichi Shimbun* dengan 4.5 juta naskhah sehari.


Di samping itu, umumnya akhbar di Jepun terbit dua kali sehari, pagi dan petang. Jika dikira, dalam sehari,

Untuk membudayakan  
amalan membaca,  
semua pihak,  
termasuk kerajaan,  
swasta, pertubuhan  
bukan kerajaan  
dan orang ramai,  
perlu memainkan  
peranan masing-  
masing, khususnya  
mengaplikasikan ilmu  
yang telah dibaca  
dalam kehidupan  
harian.

satu orang di Jepun membaca empat akhbar yang berbeza. Bayangkan betapa tingginya daya baca orang Jepun. Singapura yang saiz negaranya jauh lebih kecil dari Malaysia juga memiliki semangat yang sama dengan Jepun. Perekonomian, pendidikan, dan budaya membaca masyarakatnya melebihi negara di Asia Tenggara. Dengan jumlah penduduk sekitar 4.5 juta, terdapat tujuh surat khabar dengan jumlah pendedaran mencapai satu juta naskhah sehari.

Kendatipun begitu, di negara kita, pada masa ini kita masih bergelut dengan kelembapan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Seharusnya amalan ini perlu dipupuk sejak kecil bagi melahirkan masyarakat yang suka membaca. Untuk membudayakan amalan membaca, semua pihak, termasuk kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai, perlu memainkan peranan masing-masing, khususnya mengaplikasikan ilmu yang telah dibaca dalam kehidupan harian. Serapkanlah budaya membaca masyarakat Jepun dan Eropah ke dalam masyarakat kita agar kita mampu untuk menjadi bangsa yang berjaya.

Sebagai kesimpulannya, "bangsa membaca bangsa berjaya" ialah frasa yang jitu. Pada hakikatnya, pembentukan bangsa yang hebat bermula dengan ilmu serta kefahaman. Penggunaan ungkapan lain bermaksud kesemuanya bermula dengan minda cemerlang yang lahir daripada budaya membaca. Dalam *Al-Jamik li Ahkam Al-Quran*, Imam Qartubi meriwayatkan, "Imam Sufyan bin Uyainah pernah ditanya tentang kelebihan ilmu dan beliau menjawab, Apakah kamu tidak mendengar kalam Allah (iaitu ayat 19 surah Muhammad) yang bermula dengan: Ketahuilah, sekali gus menunjukkan Allah mahu kita menguasai ilmu terlebih dahulu sebelum beramal?" Olahan yang sama tersebut dalam surah al-Hadid ayat 20 dan surah al-Anfal ayat 28 dan 41. Oleh itu, membaca yang mampu untuk melahirkan minda cemerlang merupakan pintu gerbang kepada segala kehebatan dan kejayaan. ●



Seorang itu berupaya menghasilkan idea baharu melalui pembacaan buku yang berkualiti.



Bahan bacaan bercetak atau elektronik yang berkualiti mampu membentuk identiti dan jati diri masyarakat.

